

05 AUG 1998

Sabbaruddin-Umno

MAHATHIR BERI TAKLIMAT ISU MALAYSIA-SINGAPURA KEPADA MT UMNO

KUALA LUMPUR, 5 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka memberi taklimat mengenai hubungan Malaysia-Singapura kepada Majlis Tertinggi Umno yang akan bermesyuarat Jumaat ini.

"Barangkali Perdana Menteri akan memberi taklimat kepada anggota pada 7 Ogos ini," kata Setiausaha Agung Umno Datuk Sabbaruddin Chik kepada pemberita selepas jamuan tengah hari yang dihadiri sebahagian besar menteri Kabinet di sini.

Jamuan itu diadakan sempena pelancaran kempen derma buku oleh Dr Mahathir di stesen Petronas di Sri Hartamas, yang diadakan sebagai projek amal sempena Bulan Membaca.

Sabbaruddin berkata hakikat bahawa perkara itu dibahaskan di Parlimen semalam menunjukkan bahawa seluruh negara menyokong Dr Mahathir, yang juga Presiden Umno, berhubung pendirian Malaysia dalam isu itu.

"Parti tidak ada masalah untuk menyokong Perdana Menteri," katanya.

Semalam, Dr Mahathir telah mengingatkan Singapura supaya tidak ambil mudah kebaikan Malaysia, berikutan ketegangan antara kedua-dua negara berkaitan isu pusat pemeriksaan Kastam, Imigresen dan Kuarantin (CIQ) Malaysia di stesen keretapi Tanjong Pagar di republik itu.

Beliau berkata Malaysia hanya menuntut supaya Singapura memberi layanan yang tidak lebih daripada apa yang diberikan oleh Malaysia kepada Singapura.

Singapura telah memindahkan pusat CIQ-nya dari Tanjong Pagar ke Woodlands Sabtu lepas dan mahu Malaysia mengikuti langkahnya. Bagaimanapun Malaysia telah memutuskan tidak memindahkan pusat pemeriksaannya yang terletak di atas tanah milik KTM Berhad itu.

Sehubungan itu, Pemuda Umno telah mencadangkan kepada kerajaan supaya menggantungkan urusan dua-hala yang baru sehingga Perdana Menteri Singapura Goh Chok Tong menyatakan pendirian rasminya mengenai beberapa isu yang dihadapi keua-dua negara.

Isu-isu itu termasuk bekalan air dari Malaysia ke Singapura, tanah KTM di Singapura serta kerjasama ekonomi dan kewangan.

-- BERNAMA

MAM NMO